



30 Januari 2026
30 January 2026
P.U. (A) 45

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PEGAWAI BOMBA SUKARELA DAN
PASUKAN BOMBA SUKARELA) 2026

*FIRE SERVICES (VOLUNTARY FIRE OFFICER AND
VOLUNTARY FIRE BRIGADE) REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PEGAWAI BOMBA SUKARELA DAN PASUKAN BOMBA SUKARELA) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)(ca) dan (f) dibaca bersama seksyen 4A, 4B dan 4D Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pegawai Bomba Sukarela dan Pasukan Bomba Sukarela) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 3 Februari 2026.

Pelantikan Pegawai Bomba Sukarela

2. Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk dilantik sebagai Pegawai Bomba Sukarela, tertakluk kepada syarat sebagaimana yang berikut:

(a) dia merupakan seorang warganegara Malaysia;

(b) dia sekurang-kurangnya berumur lapan belas tahun pada tarikh permohonan; dan

(c) dia diperakui sihat oleh pengamal perubatan berdaftar yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*].

Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela

3. Seorang Pegawai Bomba Sukarela boleh memohon kepada Pendaftar untuk menubuhkan suatu Pasukan Bomba Sukarela dalam borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, tertakluk kepada syarat sebagaimana yang berikut:

(a) dia mempunyai perlembagaan Pasukan Bomba Sukarela itu;

- (b) dia mempunyai surat sokongan daripada Ketua Balai Bomba dan Penyelamat atau mana-mana Pegawai Kanan Bomba; dan
- (c) dia bukan anggota kepada mana-mana Pasukan Bomba Sukarela yang lain.

Perakuan pendaftaran bagi Pasukan Bomba Sukarela

4. Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran bagi penubuhan suatu Pasukan Bomba Sukarela dalam borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Rayuan Pegawai Bomba Sukarela

5. (1) Jika pelantikan seorang Pegawai Bomba Sukarela ditamatkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 4D Akta, Pegawai Bomba Sukarela itu boleh membuat rayuan kepada Menteri dalam tempoh dua puluh satu hari selepas dimaklumkan secara bertulis mengenai penamatan itu.

(2) Suatu rayuan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Menteri dalam borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri di bawah peraturan ini adalah muktamad.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3]

PERMOHONAN UNTUK MENUBUHKAN PASUKAN BOMBA SUKARELA

Pendaftar

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri:

Saya,

(No. kad pengenalan:) beralamat di

.....

dengan ini memohon untuk menubuhkan suatu Pasukan Bomba Sukarela bagi
suatu kawasan jagaan di

Bersama-sama ini dilampirkan dokumen yang berikut:

- (a) perlembagaan Pasukan Bomba Sukarela;
- (b) maklumat lengkap anggota dalam Pasukan Bomba Sukarela;
- (c) salinan pelantikan Pegawai Bomba Sukarela sebagai anggota dalam Pasukan Bomba Sukarela; dan
- (d) surat sokongan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat atau mana-mana Pegawai Kanan Bomba.

.....
Nama:

Disokong/tidak disokong:

.....
Penolong Pendaftar
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri:

JADUAL KEDUA
[Peraturan 4]



AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988


PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PEGAWAI BOMBA SUKARELA DAN PASUKAN BOMBA SUKARELA) 2026

PERAKUAN PENDAFTARAN

Dengan ini diperakui bahawa

PASUKAN BOMBA SUKARELA

Telah didaftarkan sebagai suatu Pasukan Bomba Sukarela menurut Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*] dengan nombor pendaftaran
pada dan mempunyai suatu kawasan jagaan di



.....
Pendaftar
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

JADUAL KETIGA
[Subperaturan 5(2)]

RAYUAN TERHADAP PENAMATAN PELANTIKAN
SEBAGAI PEGAWAI BOMBA SUKARELA

YB Menteri,

(A) MAKLUMAT PERAYU

Nama penuh:

No. kad pengenalan:

No. badan:.....

Alamat surat-menyurat:

No. telefon: Alamat e-mel:

Jawatan terakhir:

Tempoh perkhidmatan:

Tarikh penamatan pelantikan:

No. rujukan surat penamatan:

(B) SEBAB RAYUAN

(C) DOKUMEN SOKONGAN

() Surat pelantikan

() Surat penamatan

() Rekod prestasi/sijil penghargaan/surat sokongan

Tarikh:

Tandatangan perayu:

Dibuat 30 Januari 2026
[KPKT.100-1/11/1(29); PN(PU2)471/JLD.7]

NGA KOR MING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

FIRE SERVICES ACT 1988

FIRE SERVICES (VOLUNTARY FIRE OFFICER AND VOLUNTARY FIRE BRIGADE)
REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 62(1)(ca) and (f) read together with sections 4A, 4B and 4D of the Fire Services Act 1988 [Act 341], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Fire Services (Voluntary Fire Officer and Voluntary Fire Brigade) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 3 February 2026.

Appointment of Voluntary Fire Officer

2. Any person may apply to the Director General to be appointed as a Voluntary Fire Officer, subject to the conditions as follows:

(a) he is a Malaysian citizen;

(b) he is at least eighteen years of age on the date of application; and

(c) he is certified to be healthy by a registered medical practitioner registered under the Medical Act 1971 [Act 50].

Establishment of Voluntary Fire Brigade

3. A Voluntary Fire Officer may apply to the Registrar to establish a Voluntary Fire Brigade in the form as specified in the First Schedule, subject to the conditions as follows:

(a) he has a constitution of the Voluntary Fire Brigade;

(b) he has a letter of support from the Fire and Rescue Station Chief or any Senior Fire Officer; and

(c) he is not a member of any other Voluntary Fire Brigade.

Certificate of registration for Voluntary Fire Brigade

4. The Registrar shall issue a certificate of registration for the establishment of a Voluntary Fire Brigade in the form as specified in the Second Schedule.

Appeal of Voluntary Fire Officer

5. (1) Where an appointment of a Voluntary Fire Officer is terminated by the Director General under section 4D of the Act, that Voluntary Fire Officer may appeal to the Minister within twenty one days after being informed in writing of such termination.

(2) An appeal under subregulation (1) shall be made to the Minister in the form as specified in the Third Schedule.

(3) Any decision made by the Minister under this regulation shall be final.

FIRST SCHEDULE

[Regulation 3]

APPLICATION TO ESTABLISH OF VOLUNTARY FIRE BRIGADE

Registrar

Fire and Rescue Department of Malaysia

State:

I,
(Identity card no.:) with address at

hereby apply to establish a Voluntary Fire Brigade for a fire cover at

Appended herewith the following documents:

- (a) constitution of the Voluntary Fire Brigade;
- (b) complete information of members in the Voluntary Fire Brigade;
- (c) copy of the appointment of Voluntary Fire Officer as members of the Voluntary Fire Brigade; and
- (d) letter of support from the Fire and Rescue Station Chief or any Senior Fire Officer.

.....
Name:

Supported/not supported:

.....
Assistant Registrar
Fire and Rescue Department of Malaysia
State:

SECOND SCHEDULE

[Regulation 4]



FIRE SERVICES ACT 1988


FIRE SERVICES (VOLUNTARY FIRE OFFICER AND VOLUNTARY FIRE BRIGADE)
REGULATIONS 2026

CERTIFICATE OF REGISTRATION

This is to certify that

VOLUNTARY FIRE BRIGADE

has been registered as a Voluntary Fire Brigade pursuant to the Fire Services Act 1988
[Act 341] with the registration number
on and has a fire cover at



.....
Registrar
Fire and Rescue Department of Malaysia

THIRD SCHEDULE
[Subregulation 5(2)]

APPEAL AGAINST THE TERMINATION OF APPOINTMENT
AS VOLUNTARY FIRE OFFICER

Honourable Minister,

(A) APPELLANT'S INFORMATION

Full name:
Identity card no.:
Body no.:
Correspondence address:
Telephone no. : Email address:
Last position:
Period of service:
Date of termination of appointment:
Reference no. of letter of termination:

(B) GROUNDS OF APPEAL

(C) SUPPORTING DOCUMENTS

- () Letter of appointment
- () Letter of termination
- () Performance record/certificate of appreciation/letter of support

Date:

Appellant's signature:

Made 30 January 2026
[KPKT.100-1/11/1(29); PN(PU2)471/JLD.7]

NGA KOR MING
Minister of Housing and Local Government